

# Orang tempatan lebih wajar jadi guru di tempat sendiri

Dr Jeniri  
Amir



jamir@fss.unimas.my

**K**ETIKA menjadi pengetua sekolah menengah pada awal 1990-an dulu, setiap kali menjelang hujung tahun saya akan berasa risau apabila ada guru dari Semenanjung yang memohon untuk kembali ke tempat asal mereka. Saya terperangkap dalam jaring dilema sama ada untuk menyokong atau tidak permohonan itu. Jika disokong, sekolah akan kehilangan guru yang berpengalaman kerana rata-rata mereka begitu komited terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan biarpun sering mengongsikan pengalaman dilanda kesunyian kerana berjauhan dengan keluarga, suami atau isteri dan mereka yang tersayang.

Jika permohonan tidak disokong, ia dapat menjejaskan semangat guru berkenaan. Atas pertimbangan semua faktor, termasuk profesional dan kemanusiaan, permohonan itu akhirnya terpaksa disokong mes-

kipun dengan berat hati, apatah lagi guru berkenaan telah berkhidmat selama lebih lima tahun di sekolah itu.

Jadi, apabila isu Kementerian Pelajaran menerima hampir 1,000 permohonan daripada guru terutama yang berasal dari Semenanjung yang mahu ditukarkan dari Sarawak setiap kali proses perpindahan dilaksanakan pada Januari atau Jun setiap tahun, saya faham dilema kementerian berkenaan. Saya juga faham tekanan emosi dan mental yang dihadapi guru berkenaan.

Sarawak mempunyai 177 sekolah menengah dan 1,264 sekolah rendah itu, manakala Sabah memiliki 205 sekolah menengah dan sekitar 1,070 sekolah rendah. Jumlah kelas di sekolah rendah ialah 11,700 buah, manakala sekolah menengah mempunyai sekitar 6,470 kelas. Jumlah sekolah menengah di seluruh Malaysia ialah sekitar 2,060 buah dan sekolah menengah sekitar 7630 buah.

Setiap tahun Sarawak dan Sabah berdepan dengan masalah jumlah permohonan yang tinggi untuk berpindah ke negeri asal, sedangkan jumlah guru baru yang dibawa masuk hanya 100 orang setiap kali

proses pertukaran dilakukan. Perancangan jangka panjang perlu diwujudkan untuk menyelesaikan masalah ini. Satu daripada pendekatan proaktif dan pragmatik yang dipertimbangkan seperti diumumkan Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini adalah dengan menempatkan guru atau bakal guru dari Sarawak dan Sabah di tempat asal mereka.

Dengan jumlah guru sekitar 20,000 di Sarawak sekarang, kedatangan guru dari luar memang amat dialu-alukan, lebih-lebih lagi jika diambil kira dasar integrasi nasional kerajaan. Sekitar 50 peratus daripada mereka berasal dari Semenanjung dan Sabah. Namun, realitinya bukan mudah untuk guru berkenaan, terutama yang berasal dari kota dan bandar besar menyesuaikan diri dengan keadaan di luar bandar dan pedalaman Sarawak. Mereka bagai mengalami kejutan budaya melihat keadaan yang mundur, tanpa bekalan air, elektrik dan jalan raya.

Sebahagian mereka perlu mengharungi sungai, denai dan hutan rimba yang memakan masa lebih lapan jam. Pada hari pertama sebahagian guru sekolah rendah ini

terkejut apabila berdepan dengan masalah komunikasi kerana ada murid yang hanya pandai bertutur dalam bahasa tempatan. Mereka terfikir bagaimana mengharungi kehidupan untuk lima tahun akan datang, dalam keadaan rumah guru yang begitu daif, tiada hiburan dan siaran televisyen? Keadaan itu sesungguhnya begitu menguji kesabaran mereka.

Jika majoriti guru yang mengajar di negeri ini ialah orang tempatan, beberapa masalah membabitkan guru dan masyarakat setempat pasti dapat diatasi. Jika guru yang berasal dari Sarawak dan Sabah ditempatkan di kedua-dua negeri berkenaan, masalah komunikasi antara guru dan penduduk tempatan tidak akan wujud kerana kelebihan mereka ialah guru daripada rakyat sendiri lebih memahami situasi, budaya dan cara hidup penduduk.

Lagipun, amalan sekarang tidak menguntungkan kerana lazimnya guru yang dihantar ke sesebuah sekolah adalah yang baru lulus dari universiti atau institut perguruan. Implikasinya, mereka kurang berpengalaman dari segi pendekatan dan kaedah pengajaran sehingga

boleh menjejaskan keberkesanan pengajaran-pembelajaran. Apabila sudah memperoleh pengalaman dan ilmu yang semakin mendalam, mereka ini dipindahkan ke tempat lain menyebabkan sekolah luar bandar seolah-olah menjadi tempat untuk melatih guru dan bereksperimen.

Dengan menempatkan guru tempatan di sesebuah sekolah, kos penghantaran dan penempatan guru dapat dikurangkan berbanding menghantar guru dari Semenanjung mengajar di Sarawak ataupun Sabah. Malah, masalah gangguan emosi dialami guru khususnya yang tinggal berjauhan dari keluarga dapat diatasi. Bagaimanakah guru yang baru mendirikan rumah tangga yang berjauhan dapat menumpukan perhatian kepada tugas mereka? Emosi dan prestasi guru tidak dapat tidak, pasti terjejas.

Dari segi lain, menempatkan guru di negeri kelahiran sendiri juga dapat memberi motivasi kepada penduduk tempatan tentang pentingnya pendidikan dalam mengubah taraf hidup seseorang.

Penulis ialah pensyarah kanan di Universiti Malaysia Sarawak